# WARTA SAWIT

Jangan lepaskan peluang memenangi RM 100... Sertai Kuiz Sawit SEKARANG!!!

Boleh didapati *on-line* di **http://palmoilis.mpob.gov.my/index.php/warta-sawit**

Naskhah PERCUMA terbitan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Bil. 54 (2)/Mei-Ogos 2013


# SEMINAR PEMINDAHAN TEKNOLOGI (TOT) MPOB 2013




*Rajah 1. Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim, Ketua Setiausaha MPIC (tengah) semasa merasmikan Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) MPOB. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB (kiri) dan Hj Zulkifli Mohd Nazim, Ahli Lembaga Pengarah MPOB (kanan).*

## KANDUNGAN


- Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) MPOB 2013 — 1
- Dari Meja Ketua Penyunting — 2
- Sudut Teknologi - *Bahan Tanaman Berkualiti* — 4
- Kuiz Sawit — 7
- Kenalilah... *Proses Penghasilan Bahan Tanaman Berkualiti* — 9
- Sudut Kreatif Sawit — 12
- Sembang Sawit — 13
- Sedutan Akhbar — 14
- Berita Bergambar — 16
- Tahukah Anda? — 18
- Diari & Peristiwa — 19
- Profil Komoditi — 21
- Peladang Jaya — 23
- Direktori MPOB — 25
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) — 28



Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak menyatakan sokongan MPOB.


Penganjuran Seminar Pemindahan Teknologi atau lebih dikenali dengan *Transfer of Technology* (ToT) Seminar merupakan acara tahunan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi memperkenalkan teknologi yang berpotensi untuk dikomersialkan. Sasaran pengkomersialan teknologi adalah untuk industri kecil dan sederhana (PKS), usahawan dan pihak industri. Sehingga kini, sebanyak 527 teknologi telah diperkenalkan dan 162 daripada teknologi tersebut telah dikomersialkan dan diguna pakai oleh industri dan usahawan. Seminar TOT juga mempamerkan pelbagai perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh MPOB kepada golongan sasaran.

Seminar TOT 2013 telah diadakan pada 20 Jun 2013 di Ibu Pejabat MPOB, Bangi dan sebanyak 16 teknologi serta 10 perkhidmatan baru telah diperkenalkan. Seramai 400 peserta yang terdiri daripada pihak industri dan usahawan telah menyertai seminar ini. Seminar ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim yang mewakili YB Menteri MPIC, Dato Sri Douglas Uggah Embas. Dalam ucapan perasmiannya, beliau berkata teras penyelidikan dan pembangunan (R&D) di MPOB adalah berlandaskan tiga strategi utama iaitu untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan, memastikan tiada sisa buangan


*Bersambung ke muka surat 2*



ISSN 1394-4975

Lembaga Minyak Sawit Malaysia • Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Peti Surat 10620, 50720 Kuala Lumpur. Tel: 03-8769 4400, Teleks: MA31609 Faks: 03-8925 9446
www.mpob.gov.my

## Sidang Pengarang

PENASIHAT
**Datuk Dr Choo Yuen May**

PENGERUSI
**Hj Ahmad Sidek Stroo**

TIMBALAN PENGERUSI
**Hj Wahid Omar**

KETUA PENYUNTING
**Hj Hamdan Abu Bakar**

PENYUNTING
**Dr Norman Kamarudin**
**Hj Idris Omar**
**Hj Zulkifli Manaf**
**Dr Siti Ramlah Ahmad Ali**
**Dr Ahmad Tarmizi Hashim**
**Ab Aziz Md Yusof**
**Noor Asmawati Abd Samad**
**M Ayatollah K Ab Rahman**
**Abdullah Hashim**

SETIAUSAHA
**Nur Hanani Mansor**

*Sambungan dari muka surat 1*

dan menjana pendapatan melalui produk nilai tambah. Tambah beliau lagi, strategi R&D yang dilaksanakan MPOB adalah sejajar dengan keperluan industri sawit dan berupaya mencapai sasaran di bawah Program Transformasi Ekonomi bagi memastikan pertumbuhan industri secara mampan dan menjana pendapatan tinggi. Sempena seminar ini juga, dua perjanjian persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara MPOB dengan Global Green Synergy Sdn Bhd dalam R&D penghasilan bahan bakar *pellet* berasaskan biojisim sawit. MoU kedua pula adalah di antara MPOB dengan Palmmy Industries Sdn Bhd bagi pengkomersialan santan berasaskan sawit. Majlis menandatangani perjanjian ini telah disaksikan oleh Ketua Setiausaha MPIC.

MPOB turut melancarkan teknologi *5 stage winnowing column – dry separation of kernel and shell*. Teknologi ini telah dibangunkan dengan kerjasama Hur Far Engineering Works Sdn Bhd dan FELDA Palm Industries Sdn Bhd.

*Bersambung ke muka surat 3*



# DARI MEJA
## KETUA PENYUNTING

*Sedar atau tidak, tanaman sawit telah hampir 100 tahun diusahakan di Malaysia secara komersial. Mengikut sejarah, tanaman ini telah diusahakan pada 1917 di Estet Tennamaran, Selangor. Pada masa itu, tiada pekebun kecil terlibat dalam perusahaan ini. Penglibatan pekebun kecil dalam industri sawit mula berkembang melalui pembukaan tanah kerajaan melalui FELDA dan diikuti agensi kerajaan yang lain termasuk FELCRA dan RISDA. Bilangan pekebun kecil persendirian yang mengusahakan tanaman sawit amat kecil. Keyakinan mereka untuk menceburi bidang ini amat rendah. Tambahan pula bilangan kilang sawit pada masa itu adalah begitu terhad dan sukar untuk mereka memasarkan hasil tuaian.*

*Walau bagaimanapun, penglibatan pekebun kecil persendirian pada masa kini amat membanggakan. Sehingga Mei 2013, bilangan pekebun kecil persendirian di negara kita telah pun berjumlah lebih 180 000 orang. Data statistik tahun 2012 melaporkan mereka mengusahakan tanaman sawit di kawasan seluas melebihi 691 000 ha atau 13.6% daripada jumlah keseluruhan kawasan tanaman sawit negara. Ada di antara mereka mengusahakan penanaman sawit di peringkat generasi kedua atau ketiga.*

*Selain itu, keupayaan serta pengetahuan mereka mengendalikan dan menguruskan kebun sawit dengan baik juga telah meningkat. Ini dibuktikan dengan semakin ramai pekebun kecil yang telah menerima Sijil Amalan Pertanian Baik (GAP) MPOB. Sebilangan daripada mereka telah berjaya memperoleh tahap pencapaian hasil buah tandan segar (BTS) yang tinggi dengan pengeluaran 30 t/ha/thn atau lebih dan ini boleh dibanggakan. Tahniah kepada mereka yang telah berjaya. Kebanyakan mereka yang berjaya mengamalkan GAP terutama menggunakan anak benih berkualiti yang diperoleh daripada pembekal yang diiktiraf dan juga mengamalkan pembajaan mencukupi dan seimbang. Amalan GAP merupakan amalan yang dipraktikkan dikebanyakan estet yang mengeluarkan hasil BTS yang tinggi. Bagi pekebun kecil yang masih belum berjaya, ia masih boleh diperbaiki. Jika sekiranya pembajaan tidak mencukupi atau dilakukan dengan kaedah yang tidak betul, maka ia perlulah diperbaiki. Begitu juga sekiranya kekurangan hasil disebabkan oleh penggunaan anak benih tidak berkualiti atau ditanam terlampau rapat tidak mengikut jarak tanaman optimum yang disyorkan, ia perlu diperbetulkan terutama bagi mereka yang akan melakukan penanaman semula sawit. Tambahan pula, pelbagai insentif serta galakan telah disediakan oleh kerajaan dan pelbagai pihak lain*

*Bersambung ke muka surat 3*

*Sambungan dari muka surat 2*

*dari masa ke semasa termasuk Skim Bantuan Tanam Semula. Menanam menggunakan anak benih yang tidak tidak berkualiti memberi kesan negatif terhadap hasil BTS bagi tempoh yang panjang melebihi 20 tahun sebelum sawit ditanam semula, walaupun peringkat awal membelanjakan pembelian anak benih lebih murah sedikit. Pada masa kini, pembekal anak benih yang diiktiraf MPOB membekalkan anak benih kacukan* dura *(D) dan* pisifera *(P) atau* tenera *(DxP) yang diperoleh daripada baka induk terpilih berhasil tinggi.*

*MPOB di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) selaku agensi pelaksana program penyelidikan dan pembangunan (R&D) turut berperanan membantu menyediakan teknologi dan menyebarkan maklumat serta memberi khidmat nasihat kepada pekebun kecil melalui pegawai TUNAS. Selain itu, penyertaan pekebun kecil dalam seminar yang dianjurkan turut memainkan peranan penting menjana industri sawit negara. Jika dahulu pekebun kecil sukar untuk memperoleh bahan tanaman sawit berkualiti, kini mereka telah banyak mendapat manfaat daripada program Skim Bantuan Tanam Semula Sawit atau Tanam Baru Sawit yang disediakan khusus kepada mereka. Pekebun kecil juga digalakkan menyertai aktiviti di peringkat hiliran bagi menambah pendapatan mereka seperti mengusahakan pembuatan aiskrim atau santan menggunakan bahan minyak sawit, di mana teknologi pembuatannya turut disediakan MPOB. Diharapkan agar pekebun kecil akan terus berusaha gigih sekaligus bersama-sama menyumbang kemajuan industri sawit negara.*

*Sambungan dari muka surat 2*

Pembangunan dan pengkomersialan sistem ini menepati matlamat industri sawit ke arah mencapai strategi tiada sisa buangan, meningkatkan produktiviti, menghasilkan produk yang bernilai tambah serta dapat memaksimumkan keuntungan.

Teknologi dan perkhidmatan baru yang diperkenalkan pada Seminar TOT 2013 ini merangkumi sektor huluan hingga hiliran iaitu perladangan, perlindungan tumbuhan, kejenteraan ladang, pengilangan dan pemprosesan, makanan dan oleokimia. Antara teknologi lain yang diperkenalkan termasuklah jentera pengangkut pelbagai guna (*Rhyno*), teknologi penapisan minyak serabut perahan sawit (*Palm-pressed fiber oil*), Mesin *Ligno-Ripper* untuk menghasilkan gentian pendek, Arbuscular Mycorrhiza Fungi (AMF) untuk meningkatkan pertumbuhan vegetatif sawit, primer spesifik untuk *Fusarium oxysporum f.sp. elaeidis*, spektroskopi untuk pengesanan penyakit



*Rajah 2. Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim dan Datuk Dr Choo Yuen May meneliti produk yang dihasilkan oleh Pegawai Penyelidik MPOB di Seminar TOT 2013.*

*Ganoderma*, baja *Vermikompos* untuk pertumbuhan sawit, prestasi kacang hijau secara integrasi bersama sawit, zeolite sebagai bahan pembaik pulih tanah, teknologi POME sifar melalui pengkomposan baja yang inovatif, lelemak pastri berasaskan sawit, nuget sayuran (berasaskan soya dan gluten) menggunakan emulsi minyak sawit, sapuan coklat tanpa gula dan lilin urut daripada terbitan minyak sawit. Teknologi baru yang diperkenalkan ini mampu membuka peluang perniagaan kepada usahawan dan bakal pelabur selain dapat diguna pakai oleh pihak industri dalam membangunkan sektor sawit negara. Teknologi seperti penggunaan kulat bagi mengesan penyakit *Ganoderma*, integrasi kacang hijau dengan sawit dan penggunaan zeolite sebagai penambah baik tanah sesuai untuk aplikasi pekebun kecil.

Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan sepanjang program ini selain 51 teknologi dan perkhidmatan yang dipamerkan merangkumi teknologi dan perkhidmatan yang baru diperkenalkan pada tahun ini dan sebelumnya. Pameran yang diadakan ini membuka peluang kepada peserta seminar untuk berinteraksi terus dengan penyelidik dan berkongsi idea serta pendapat bagi membolehkan hubungan dua hala terjalin. Pameran yang diadakan bermanfaat kepada para pengunjung dan usahawan terutamanya pengusaha kecil sederhana (PKS) menceburkan diri dalam perniagaan sektor sawit dengan mengambil peluang mengkomersialkan teknologi dan inovasi baru yang telah tersedia.



*Sumbangan:*
*Suraya Mohamad*
(haz_suraya@mpob.gov.my)

# SUDUT TEKNOLOGI

# BAHAN TANAMAN BERKUALITI

### Pengenalan

Dari segi taksonomi, sawit adalah dari keluarga Palmae, suku *Cocoseae* dan genus *Elaeis*. Terdapat dua spesies sawit iaitu *Elaeis guineensis* yang berasal dari Afrika dan *Elaeis oleifera* yang berasal dari Amerika Tengah dan Amerika Selatan. Spesies sawit yang selalu digunakan sebagai tanaman komersial ialah *Elaeis guineensis* kerana ia memberikan hasil buah tandan segar (BTS) dan nisbah minyak ke tandan yang lebih tinggi berbanding *Elaeis oleifera* (*Rajah 1-4*).

Bahan tanaman berkualiti merupakan faktor penting menentukan hasil sawit. Menanam anak benih berkualiti serta mempraktikkan pengurusan dan amalan agronomi yang baik akan menghasilkan pokok sawit yang dapat mengeluarkan hasil BTS yang tinggi. Sebalik-nya, penggunaan bahan tanaman yang berkualiti rendah akan menghasilkan pokok sawit yang memberi hasil BTS yang rendah. Pemilihan bahan tanaman berkualiti adalah kritikal dalam industri sawit yang mempunyai jangka hayat ekonomi dalam lingkungan 25 tahun. Penanam akan mengalami kerugian kerana hasil rendah sepanjang hayat tanaman sekiranya mengambil ringan faktor kualiti dalam penghasilan dan pemilihan bahan tanaman sawit.

### Genetik Pengeluaran Biji Benih DXP

Tanaman sawit adalah contoh terbaik di mana kemajuan pemilihan tercapai melalui satu gen.



*Rajah 1. Pokok sawit* Elaeis guineensis.



*Rajah 2. Buah tandan segar* Elaeis guineensis.



*Rajah 3. Pokok sawit* Elaeis oleifera.



*Rajah 4. Buah tandan segar* Elaeis oleifera.

Gen (Sh) tersebut mengawal kehadiran tempurung pada buah. Homozigot dominan (Sh+Sh+) menghasilkan *dura* (D) bertempurung tebal. Homozigot resesif (Sh-Sh-) pula menghasilkan *pisifera* (P) tanpa tempurung. Heterozigot (Sh+Sh-) menghasilkan *tenera* bertempurung nipis. Bahan tanaman komersial yang kerap digunakan ialah jenis *tenera* atau lebih dikenali sebagai DxP kerana memberikan hasil BTS dan nisbah minyak ke tandan yang lebih tinggi. *Tenera* terhasil dari kacukan antara *dura* dan *pisifera* (*Rajah 5*).

### Purata Komposisi Buah *Dura* dan *Tenera*

Secara amnya, *dura* dan *tenera* tiada perbezaan pada nisbah buah ke tandan, isirung ke buah dan

*Bersambung ke muka surat 5*

*Sambungan dari muka surat 4*




*Rajah 5. Kacukan DxP.*

minyak ke mesokarpa basah (*Jadual 1*). Walau bagaimanapun, *tenera* lebih unggul kerana mempunyai nisbah minyak ke tandan yang lebih tinggi. Ini kerana pada *tenera*, mesokarpa ke buah adalah lebih tinggi sementara tempurung ke buah pula lebih rendah.

**JADUAL 1. PURATA KOMPOSISI BUAH *DURA* DAN *TENERA***

| Ciri | *Dura* (%) | *Tenera* (%) |
|---|---|---|
| Buah ke tandan | 60 | 60 |
| Mesokarpa ke buah | 60 | 80 |
| Tempurung ke buah | 30 | 10 |
| Isirung ke buah | 10 | 10 |
| Minyak ke mesokarpa basah | 50 | 50 |
| Minyak ke tandan | 18 | 24 |

Nota: Berdasarkan peratus berat basah.

## Pengeluar Biji Benih Berlesen di Malaysia

Sehingga Januari 2013, terdapat sebanyak 21 pengeluar biji benih sawit yang berlesen di Malaysia (*Jadual 2*). Bagi memelihara kualiti bahan tanaman, agensi pengeluar biji benih komersial adalah tertakluk kepada Piawai Malaysia (MS157) iaitu spesifikasi untuk biji benih bagi tujuan tanaman komersial. Sehingga kini, spesifikasi tersebut telah dikemaskini sebanyak tiga kali.

– MS157: 1975
– MS157: 1988 (Kemaskini pertama)
– MS157: 1997 (Kemaskini kedua)
– MS157: 2005 (Kemaskini ketiga)

**JADUAL 2. PENGELUAR BIJI BENIH SAWIT BERLESEN DI MALAYSIA**

| Nama Pengeluar | Tempat |
|---|---|
| EPA Management Sdn Bhd | Kota Tinggi, Johor |
| FELCRA Plantation Services Sdn Bhd | Kluang, Johor |
| FELDA Agricultural Services Sdn Bhd | Johor Bahru, Johor |
| Pamol Plantations Sdn Bhd | Kluang, Johor |
| Pertubuhan Peladang Negeri Johor | Kluang, Johor |
| Sasaran Ehsan Utama Sdn Bhd | Segamat, Johor |
| Sime Darby Seeds and Agricultural Services Sdn Bhd | Kluang, Johor |
| FELDA Agricultural Services Sdn Bhd | Jerantut, Pahang |
| Nalfin Planting Material Sdn Bhd | Hilir Perak, Perak |
| United Plantations Berhad | Hilir Perak, Perak |
| Applied Agricultural Resources Sdn Bhd | Tawau, Sabah |
| Borneo Samudera Sdn Bhd | Tawau, Sabah |
| FELDA Agricultural Services Sdn Bhd | Lahad Datu, Sabah |
| IJM Plantations Berhad | Labuk/Sugut, Sabah |
| Pamol Estates (Sabah) Sdn Bhd | Labuk/Sugut, Sabah |
| Sime Darby Seeds and Agricultural Services Sdn Bhd | Tawau, Sabah |
| Stesen Penyelidikan Pertanian Ulu Dusun | Sandakan, Sabah |
| Sarawak Plantation Agriculture Sdn Bhd | Miri, Sarawak |
| Sime Darby Seeds and Agricultural Services Sdn Bhd | Kuala Langat, Selangor |
| RISDA Semaian dan Landskap Sdn Bhd | Dungun, Terengganu |
| Lembaga Minyak Sawit Malaysia | Kluang, Johor |

*Bersambung ke muka surat 27*

# PERADUAN BELI & MENANG

## 购买及赢取竞赛

**1 SEPT - 31 DIS 2013**




*Imej kereta dan motosikal adalah untuk ilustrasi sahaja. Rujuk terma & syarat.
图片只供参考而已。需符合条规。

## 3 LANGKAH MUDAH! BELI-ISI-HANTAR! / 3个简单步骤！购买–填写–提交！

**Cara-Cara Penyertaan / 如何参加**

**Langkah 1 / 步骤1:**
**Beli baja 50kg CHB (Cock's Head Brand) keluaran CCM Fertilizers Sdn Bhd**
购买任何50公斤袋CCM Fertilizers SB出产的CHB( Cock's Head Brand)肥料。

**Langkah 2 / 步骤2:**
**Lengkapkan borang peraduan, dapatkan cop rasmi peniaga berdaftar dan sertakan resit asal.**
填妥竞赛表格，然后将其盖上经销商的印章，再附上原有的收据正本。

**Langkah 3 / 步骤3:**
**Masukkan borang peraduan yang lengkap ke dalam kotak peraduan yang terdapat di kedai peniaga yang berdaftar. Borang peraduan boleh juga diposkan kepada:**
将填妥的竞赛表格放入任何经销商所准备的竞赛箱子内。表格也可寄送到
***CCM Fertilizers Sdn Bhd, Lot PT 200, Persiaran Selangor, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan***

***Lebih banyak pembelian, lebih tinggi peluang untuk menang. 1 borang penyertaan dengan minimum setiap pembelian beg baja 50kg dalam satu resit.***
购买得更多，获胜机会更高。每一张收据（50kg的肥料）只限一个表格。

***Tertakluk Kepada Terma & Syarat. /** 必需遵守条规与细则
***Untuk pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi talian khidmat pelanggan kami di /***
若有更多的疑问请联络我们的服务人员 ***1 800 22 1133***

ccm
50 years
living ahead

# ???????? Kuiz Sawit ?????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 100 sekiranya berjaya menjawab tiga soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

**Syarat penyertaan**

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **31 DISEMBER 2013**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

JANGAN LEPASKAN PELUANG MEMENANGI **RM 100**

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
*u/p: Unit Khidmat Pengembangan,*
*Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan*
Faks: 03-8920 2932
**ATAU** Emel: shuhadah@mpob.gov.my

**SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL.54 (2)/MEI-OGOS 2013.**

**(Sila bulatkan jawapan yang betul)**

1. Apakah faktor utama bagi mendapatkan hasil sawit yang berkualiti?
   a. Menggunakan anak benih berkualiti.
   b. Tidak menggunakan pengurusan yang baik.
   c. Menanam menggunakan anak benih yang tumbuh di bawah pokok.
   d. Menanam menggunakan sistem tanaman bawah.

2. Berapakah peratus nisbah adunan biodesel sawit dan diesel petroleum bagi menghasilkan biobahan api B5?
   a. 20% biodiesel sawit dan 80% diesel petroleum.
   b. 15% biodiesel sawit dan 85% diesel petroleum.
   c. 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum.
   d. 5% biodiesel sawit dan 95% diesel petroleum.

*Bersambung ke muka surat 8*

*Sambungan dari muka surat 7*

3. Di manakah debunga *pisifera* bercampur bedak disembur?
   a. Jambak bunga jantan.
   b. Ke dalam beg pendebungaan.
   c. Jambak bunga betina.
   d. Beg politena.

Nama : ______________________________

No. Kad Pengenalan : ______________________________

No. Telefon : ______________________________

Alamat : ______________________________

______________________________

______________________________

## JAWAPAN KUIZ SAWIT
## BIL. 53(1)/JANUARI-APRIL 2013

1. Jawapan:
   i. Ketahanan yang tinggi terhadap penyakit.
   ii. Mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran.
   iii. Makan semua jenis rumpai lembut.
   iv. Bersifat jinak dan mudah diurus.

2. Jawapan:
   i. Mempunyai sawit yang berumur lebih dari 5 tahun.
   ii. Pelepah paling rendah mempunyai ketinggian 1.2 m dari permukaan tanah.
   iii. Kawasan ragutan yang ditetapkan tidak melebihi 25° kecerunan.

3. Penuaian pertama boleh dijalankan apabila tanaman foraj sorghum berumur 50-55 hari, manakala untuk penuaian kedua dan berikutnya dijalankan dalam jangka masa 35-40 hari selepas setiap penuaian.

4. Kursus jangka panjang disasarkan kepada golongan belia tempatan yang tiada ilmu atau pengalaman berkaitan sawit dan ingin melibatkan diri dalam industri sawit. Sementara kursus jangka pendek pula menyasarkan individu yang telah berkecimpung dalam bidang sawit dan berminat dalam bidang spesifik berkaitan sawit.

5. Anak benih sawit DxP.

# KENALILAH... PROSES PENGHASILAN BAHAN TANAMAN BERKUALITI

## Pengenalan

Sawit (*Elaeis guineensis*) berasal dari Afrika Barat. Ia dibawa dan diperkenalkan ke rantau ini di Timur Jauh (Bogor, Indonesia) pada 1848 sebagai empat anak benih. Menerusi aktiviti biak baka dan pemilihan yang intensif Deli *dura* telah dihasilkan. Di Congo, populasi Yangambi telah berkembang semenjak 1920an. Di Timur Jauh, populasi Yangambi berkembang menjadi populasi AVROS *pisifera*. Deli *dura* dan AVROS *pisifera* adalah induk yang biasa digunakan dalam penghasilan biji benih sawit komersial.

## Biologi Pembiakan

Sawit adalah sejenis tumbuhan monoesius iaitu mempunyai jambak bunga jantan dan betina yang berasingan pada pokok sama. Dalam keadaan semulajadi, pendebungaan berlaku secara salingan (kitaran berganti-ganti bunga jantan dan betina). Agen pendebungaan utama sawit ialah kumbang debunga (*Elaeidobius kamerunicus*) yang berasal dari Afrika Barat (*Rajah 1*).



*Jambak bunga jantan.*



*Jambak bunga betina.*



*Kumbang debunga (Elaeidobius kamerunicus).*



*Spikelet bunga jantan yang dipenuhi kumbang debunga.*

*Rajah 1. Bunga sawit dan agen pendebungaan.*

Sawit mempunyai sistem akar serabut dan dikenali sebagai monokotiledon. Ia mempunyai 200 spikelet per jambak untuk kedua-dua jantina. Terdapat 700-1200 bunga per spikelet untuk jambak bunga jantan sementara 5-30 bunga per spikelet untuk jambak bunga betina. Purata penghasilan debunga per jambak bunga jantan ialah 30 g. Debunga dihasilkan pada dua hari pertama setelah bunga jantan mengorak dan berhenti dalam masa lima hari. Bunga individu per jambak betina pula mengorak secara tak sekata (jangka waktu empat minggu di antara penghasilan pertama dan terakhir). Bunga betina paling reseptif pada pendebungaan 36-48 jam setelah mengorak.

## Proses Penghasilan Biji Benih DxP

### i. Membungkus jambak bunga jantan dan pengumpulan debunga

Peringkat mengenal pasti bunga jantan *pisifera* terpilih yang sesuai ialah pada 5-7 hari sebelum ia mengorak. Jambak bunga dibersihkan terlebih dahulu daripada seludang yang melitupinya. Sesudah itu, ia disembur racun serangga untuk membunuh serangga (vektor potensi debunga asing) dan formalin (untuk membunuh debunga asing) dan aktiviti membungkus (mengasing bunga *in situ*) dilakukan dengan beg pendebunga. Jambak bunga dituai tujuh hari kemudian dan dibawa ke makmal untuk pemprosesan. Debunga disimpan di dalam bekas kedap udara dan dimasukkan ke dalam peti ais pada suhu (-5ºC) (*Rajah 2*).

### ii. Membungkus jambak bunga betina dan pendebungaan terkawal

Seperti aktiviti yang dilakukan pada jambak bunga jantan, jambak bunga betina *dura* yang terpilih pada 5-7 hari sebelum mengorak juga dikenal pasti dan dibungkus (*in situ*) menggunakan beg pendebungaan. Jambak bunga betina sedia untuk dikacukkan dengan debunga

*Bersambung ke muka surat 10*

*Sambungan dari muka surat 9*

| | | | |
|---|---|---|---|
|  |  |  |  |
| *Jambak bunga jantan yang dikenal pasti dan dibersihkan.* | *Pembungkusan jambak bunga jantan.* | *Jambak bunga jantan yang sudah dibungkus.* | *Jambak bunga jantan dituai dan dibawa ke makmal.* |
|  |  |  |  |
| *Pengumpulan debunga matang sedia diproses.* | *Jambak bunga jantan.* | *Penyimpanan debunga dalam peti ais.* | *Ujian kesuburan debunga.* |

*Rajah 2. Aktiviti membungkus jambak bunga jantan dan pengumpulan debunga.*

dari *pisifera*. Aktiviti pendebungaan secara terkawal dilakukan dalam tempoh 36-48 jam selepas mengorak. Debunga *pisifera* dicampur bedak pada nisbah 1:10 disembur ke dalam beg pendebungaan dan digoncang untuk memastikan debunga tersebut tersebar dengan baik. Beg pendebungaan boleh dibuka sebulan sesudah kacukan. Tandan pula boleh dituai lima bulan sesudah kacukan (*Rajah 3*).

| | |
|---|---|
|  |  |
| *Jambak bunga betina yang sudah dibungkus dan dikacukkan.* | *Pembukaan beg debunga dan pelabelan tandan yang berjaya.* |

*Rajah 3. Aktiviti membungkus jambak bunga betina dan pendebungaan terkawal.*

**iii. Pemprosesan biji benih**

Tandan yang berjaya dituai dibawa ke makmal untuk diproses. Spikelet pada tandan dipisahkan menggunakan kapas. Spikelet diperam selama 3-5 hari untuk memudahkan pemisahan buah daripada spikelet. Buah yang elok dan normal diasing daripada buah partenokarpik (buah yang tiada biji). Mesokarpa buah normal dipisah dari biji secara mekanikal. Biji benih yang terhasil dicuci menggunakan pencuci untuk membuang minyak lebihan dan diikuti proses rendaman dalam larutan anti kulat. Biji benih tersebut seterusnya dikeringkan pada suhu udara, dikira dan diperiksa untuk kerosakan sebelum disimpan pada suhu 18ºC-20ºC (*Rajah 4*).

Bagi tujuan percambahan, biji benih dikeluarkan dari tempat simpanan dan dimasukkan dalam bilik panas pada suhu 39ºC-40ºC selama 40-60 hari untuk memecahkan kedormanan. Sesudah itu, ia direndam dalam air selama 3-4 hari untuk meningkatkan kandungan kelembapan. Kemudian disimpan dalam beg politena dan diletakkan di atas rak pada suhu bilik 25ºC-35ºC. Semburan air suling dilakukan secara berkala untuk mencegah pengeringan. Percambahan peringkat pertama dianggar 7-10 hari dan berterusan selama dua minggu. Pemilihan pertama dibuat sesudah 10-14 hari dan pemilihan seterusnya setiap 5-6 hari. Kadar percambahan kebiasaannya berjulat antara 70%-90%. Biji benih cambah dibungkus pada kadar 200-500 biji untuk setiap beg. Pada

*Bersambung ke muka surat 11*

*Sambungan dari muka surat 10*



*Buah tandan segar DxP terhasil daripada pendebungaan terkawal.*



*Pemisahan spikelet dari tangkai menggunakan tangkak.*



*Pemisahan mesokarpa dari biji benih menggunakan mesin.*



*Biji benih yang telah dibuang mesokarpa dan dicuci.*



*Biji benih segar.*



*Pemilihan biji benih cambah.*



*Beberapa peringkat umur biji benih cambah.*



*Biji benih cambah dalam beg politena.*

*Rajah 4. Aktiviti pemprosesan biji benih.*

peringkat awal, biji yang besar mempunyai lebih banyak endosperm (makanan untuk tumbesaran). Justeru, pertumbuhan di peringkat awal mungkin berbeza antara biji kecil dan besar. Walau bagaimanapun, tiada perbezaan vegetatif setelah mencapai umur tanaman di ladang.



*Sumbangan:*
*Dr Mohd Din Amiruddin*
(mohddin@mpob.gov.my)

## *Sudut Renungan*

Dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaitun serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah dan ketika masaknya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.

*(Surah Al-An'aam: 99)*

SUDUT KREATIF SAWIT

# LAKSA JOHOR



**Bahan**

**Kuah**

500 g ikan tenggiri (direbus dan dikisar)
350 ml santan sawit
½ cawan minyak masak sawit
7 ulas bawang merah
5 ulas bawang putih
1 inci halia
1 inci lengkuas
5 batang serai
150 g udang kering
1 keping isi ikan kurau kering
10 tangkai cili kering
} Dikisar
50 g rempah kari ikan
50 g kerisik kelapa
5 keping asam keping
Garam dan gula secukup rasa

**Hiasan**

1 paket spagheti (direbus dan ditos)
Telur rebus (dibelah dua)
Limau kasturi
Daun selasih
Daun kesum
Cili merah
} Dihiris halus
Timun dan tauge

**Cara**

1. Panaskan minyak, tumis bahan-bahan yang telah dikisar sehingga garing.
2. Masukkan serbuk kari, tumis sehingga naik bau.
3. Masukkan isi ikan, udang kering dan isi ikan kurau yang telah dikisar.
4. Kemudian, masukkan asam keping, santan sawit dan kerisik. Masak seketika.
5. Masukkan garam dan gula.
6. Masak kuah sehingga mendidih dan menjadi agak pekat.
7. Hidang bersama spagheti yang telah direbus dan hias dengan bahan hiasan lain.

WS

*Sumbangan:*
*Anizah Othman,*
*Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan.*

*Bersambung ke muka surat 13*

*Sambungan dari muka surat 12*

**PENGUMUMAN**

*Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam* Warta Sawit *akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.*

***Sudut Kreatif Warta Sawit***
*Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620*
*50720 Kuala Lumpur*
*u/p: Unit Khidmat Pengembangan,*
*Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan*

# SEMBANG SAWIT



# SEDUTAN AKHBAR

*Tajuk* : **SABAH, SARAWAK MUNCUL NEGERI TERBESAR PENANAMAN SAWIT NEGARA**
*Sumber* : **Utusan Borneo Sarawak, 17 Mei 2013**

Sabah dan Sarawak muncul sebagai negeri-negeri yang terbesar negara bagi tanaman sawit. Keluasan tanaman sawit di kedua-dua negeri ini berjumlah 2.52 juta hektar dan menyumbang hampir separuh daripada 5.08 juta hektar keluasan tanaman sawit Malaysia, iaitu 28.4% bagi Sabah dan 21.2% bagi Sarawak.

Di samping itu, Sarawak telah menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan penanaman sawit yang tertinggi iaitu 9.7% setahun bagi lima tahun kebelakangan ini, manakala Sabah 2.0% bagi tempoh masa yang sama.

Penanaman sawit di Sabah secara besar-besaran telah bermula dari akhir tahun 1980an dan kini lebih kurang 12% daripada tanaman sawit di Sabah telah sedia untuk ditanam semula.

Bagi suku tahun pertama 2013, negeri Sabah dan Sarawak masing-masing menyumbang kepada 26.6% dan 13.1% daripada 6.54 juta tan eksport produk sawit Malaysia.

*Tajuk* : **KERAJAAN SEDIA BANTU PEKEBUN KECIL**
*Sumber* : **Berita Harian, 1 Jun 2013**

Kerajaan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat dalam setiap dasar pembangunan yang dirangka termasuk menyediakan pelbagai insentif dan bantuan kepada pekebun kecil sawit untuk bersama-sama meningkatkan taraf hidup dan pada masa sama melonjakkan pengeluaran hasil sawit negara di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Insentif dan bantuan yang diberi adalah pengiktirafan kerajaan terhadap pekebun kecil sawit yang turut memberikan sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara.

Satu projek di bawah program NKEA sawit adalah mempercepatkan penanaman semula pokok sawit tua yang tertangguh pada akhir 2010 sebanyak 109 000 ha oleh pekebun kecil.

Bagi tujuan penanaman semula sawit oleh pekebun kecil, peruntukan bernilai RM 902 juta disediakan kerajaan pada 2011 hingga 2013.

*Tajuk* : **B5 DIBEKAL KE SELURUH NEGARA**
*Sumber* : **Utusan Malaysia, 22 Julai 2013**

JOHOR BAHRU – Kerajaan menyasarkan penjualan program pengadunan 5% biodiesel sawit (B5) di stesen minyak di seluruh negara menjelang Julai tahun depan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Douglas Unggah Embas berkata, sejak pelancaran B5 di Wilayah Tengah merangkumi Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor, sejumlah 113 000 t biodiesel berasaskan sawit telah digunakan setiap tahun.

Beliau berkata, program itu akan diteruskan di Wilayah Selatan meliputi seluruh negeri Johor melibatkan penggunaan sebanyak 37 270 t biodiesel sawit setahun.

B5 sudah mula dijual di 83 stesen minyak milik Petronas, Petron, Shell dan BH Petrol di bahagian Utara Johor sejak awal tahun lalu dan bermula hari ini, sebanyak 415 stesen minyak di Johor akan mula menjual produk itu.

*Bersambung ke muka surat 15*

*Sambungan dari muka surat 14*

*Tajuk* : **PEKEBUN SERTAI KURSUS KENDALIAN MESIN**
*Sumber* : **Berita Harian, 19 Ogos 2013**

LEDANG - Seramai 30 pekebun kecil sawit yang memiliki mesin pemotong sawit bermotor, *Cantas*, mengikuti kursus asas bagi meningkatkan pengetahuan pengendalian mesin itu.

Kursus sehari anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Cawangan Tangkak dan Muar itu berlangsung di Kompleks Mohd Janis Sdn Bhd dekat Bukit Gambir di sini.

Penolong Penyelaras Tunjuk Ajar Sawit (TUNAS) Ledang, Razman Roslan, berkata kursus itu memberi peluang kepada pekebun sawit yang memiliki mesin *Cantas*, mendalami penggunaan dan aspek penyelenggaraan jentera tersebut.

Katanya, menerusi kursus itu, peserta didedahkan dengan teknik betul mengenai aspek memotong dan penuaian sawit serta pengenalan komponen *Cantas* yang disampaikan pegawai Unit Mekanisasi Ladang MPOB.

*Tajuk* : **60 PETANI DARI PANTU HADIRI KURSUS SAWIT**
*Sumber* : **Utusan Borneo Sarawak, 1 Ogos 2013**

PANTU - Seramai 66 orang petani dari kawasan Pantu, di sini menghadiri dan menamatkan Kursus Sehari Sawit mereka secara *in-situ* kelmarin.

Kursus tersebut yang dianjurkan bersama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pantu dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Wilayah Sarawak memfokuskan kepada tanaman sawit.

Kursus itu diadakan di rumah persendirian, Piau Ingot di Lanchau telah pun mencapai objektif asal penganjurannya iaitu memberikan ilmu pengetahuan dan menambah kemahiran para peserta kursus yang merupakan pekebun-pekebun kecil sawit dalam aspek pembajaan, pengurusan rumpai, penyakit dan kawalan perosak, pemangkasan dan penuaian buah tandan segar (BTS).

*Tajuk* : **PESERTA KOPERASI PENANAM SAWIT MAMPAN BERPELUANG TAMBAH PENDAPATAN**
*Sumber* : **Berita Harian, 3 Ogos 2013**

Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) dilihat sebagai satu institusi yang berfungsi untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Secara amnya, penubuhan koperasi ini adalah sebagai salah satu wadah untuk mencapai objektif Kelompok Sawit Mampan – *Sustainable Palm Oil Cluster* (SPOC).

SPOC merupakan satu program induk yang dikelolakan oleh MPOB yang berhasrat untuk memastikan pekebun kecil sawit mampu mengeluarkan hasil sawit secara mampan dan seterusnya dapat memenuhi keperluan semasa.

Program ini juga dapat menyatukan pekebun kecil agar dapat berganding bahu untuk menjalankan aktiviti demi kebaikan bersama. Berdasarkan statistik yang diberikan sehingga 31 Ogos 2012, sebanyak 22 KPSM telah ditubuhkan demi merancakkan industri komoditi ini.

# Berita Bergambar



YB Dato' Noriah Kasnon, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menandatangani buku pelawat MPOB sambil diperhatikan oleh Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB sempena lawatan beliau ke Program Hello Komoditi Betong, Sarawak pada 8 Jun 2013.



Peserta kursus mendengar penerangan mengenai penyelenggaraan mesin Cantas sempena Kursus Asas Pengendalian Mesin Cantas Zon Timur yang diadakan di Plot Demonstrasi Kg Batu Papan, Bera, Pahang pada 18 Jun 2013.



Pekebun kecil sawit diberi taklimat berkenaan bilik operasi kilang minyak semasa menyertai program Lawatan Sambil Belajar ke Kilang Sime Darby Kempas, Johor pada 28 Mei 2013.



YB Dato' Noriah Kasnon, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menerima cenderahati daripada Tn Hj Ahmad Sidek Stroo, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, sempena lawatan beliau ke Program Hello Komoditi Sungai Besar, Selangor pada 22 Jun 2013.



*Peserta program diberi tunjuk ajar mengenai penggunaan C-KAT (teknologi yang dihasilkan MPOB) sempena Kursus Sehari Sawit bersama Pekebun Kecil Zon Tengah yang diadakan pada 22 Jun 2013 di Kapar, Klang, Selangor.*



*YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, YB Dato' Noriah Kasnon, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim, Ketua Setiausaha MPIC dan Datuk Dr Choo Yuen May bersama Alex Yoong (kanan) bekas pelumba F1 negara, semasa Pelancaran Penggunaan Biodiesel Sawit Peringkat Wilayah Selatan di Pasir Gudang, Johor pada 22 Julai 2013.*



*Datuk Dr Choo Yuen May memberi penerangan mengenai sawit kepada YB Dato Sri Douglas Uggah Embas dan YB Dato' Noriah Kasnon sempena lawatan kerja mereka ke Ibu Pejabat MPOB pada 28 Mei 2013.*



*Peserta kursus sedang diberi tunjuk ajar mengenai cara pemasangan perangkap feromon untuk ulat bungkus semasa Kursus Kawalan Penyakit dan Perosak Sawit Zon Utara pada 2 Julai 2013 bertempat di Coral Fishing Resort, Lumut, Perak.*

TAHUKAH ANDA?

# BIOBAHAN API B5 BERASASKAN SAWIT TINGKAT PEMBANGUNAN EKONOMI

Biodiesel yang diperbuat daripada minyak sawit kini giat dipromosikan sebagai bahan bakar alternatif menggantikan diesel petroleum melalui program penggunaan biobahan api B5 (adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum) atau lebih dikenali sebagai Program B5. Usaha kerajaan mempelbagaikan penggunaan minyak sawit memberi impak dalam menstabilkan harga minyak sawit mentah pada paras yang lebih tinggi serta mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gas-GHG*). Usaha ini tidak menjejaskan bekalan bagi kegunaan utama minyak sawit sebagai sumber kegunaan makanan malah mengukuhkan industri sawit dengan menyerap lebihan pengeluaran stok minyak sawit.

Penggunaan biobahan api B5 telah diterajui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dengan penglibatan agensi kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Percubaan bersama agensi ini bermula Februari 2009 dengan penglibatan 3900 buah kenderaan berenjin diesel. Susulan kejayaan Program B5 di DBKL dan ATM, program ini telah diperluaskan ke sektor pengangkutan darat di stesen minyak runcit Wilayah Tengah yang meliputi Putrajaya mulai 1 Jun 2011, Melaka mulai 1 Julai 2011, Negeri Sembilan mulai 1 Ogos 2011, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai 1 Oktober 2011 dan Selangor mulai 1 November 2011. Ini diikuti dengan pelaksanaan bagi sektor perikanan, diesel bersubsidi (*skid tank*) dan *fleetcard* di Wilayah Tengah yang bermula pada 15 Februari 2012. Pada masa kini, kerajaan giat merancang memperluaskan lagi Program B5 di seluruh Malaysia secara berperingkat selewat-lewatnya pada 2014. Bagi tempoh lima bulan pertama 2012, pengeluaran biodiesel telah meningkat pada 97 504 t berbanding 37 632 t pada tempoh yang sama tahun lalu. Dianggarkan sebanyak 500 000 t biodiesel sawit setahun akan digunakan dengan pelaksanaan Program B5 secara menyeluruh di Malaysia (*Rajah 1*).




*Rajah 1. Majlis Pelancaran Penggunaan Biodiesel Sawit di Wilayah Selatan pada 22 Julai 2013 oleh YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).*

Selaras dengan dasar kerajaan bagi memastikan keselamatan tenaga (*energy security*) serta pembangunan mampan sektor tenaga, pelaksanaan Program B5 sekaligus mengurangkan pergantungan kepada import diesel petroleum di mana rizab minyak Malaysia dianggarkan hanya dapat bertahan selama 20 tahun lagi. Dengan terlaksananya Program B5 di seluruh Malaysia, hampir 600 juta liter penggunaan diesel fosil dapat dijimatkan setahun.

Kerajaan melalui MPOB telah bekerjasama dengan syarikat petroleum di Malaysia bagi menyediakan kemudahan pengadunan biodiesel secara *in-line* di enam depoh petroleum di Wilayah Tengah dan akan terus bekerjasama bagi menyediakan kemudahan pengadunan biodiesel ini di 30 depoh petroleum lain di seluruh Malaysia.

Penyelidikan biodiesel daripada minyak sawit telah diterajui oleh MPOB seawal tahun 1980-an sehinggalah teknologi pengeluaran biodiesel berjaya dikomersialkan. Percubaan yang telah dijalankan oleh MPOB bersama Mercedes Benz, Jerman dari tahun 1990 hingga 1994 telah membuktikan biodiesel sawit sesuai untuk kenderaan berenjin diesel tanpa sebarang modifikasi.

*Bersambung ke muka surat 24*

# DIARI & PERISTIWA

## MEI-OGOS 2013

| Program | Tarikh | Tempat | Peserta |
|---|---|---|---|
| **Kursus Sehari Sawit** | 14/5/2013 | Kg Danau Kerangas, Balai Ringin, Sarawak | 65 |
| | 15/5/2013 | Intan Enterprise Palm Collecting, Mukim Silabukan, Lahad Datu, | 72 |
| | | Sabah | 80 |
| | 21/5/2013 | Dewan Masyarakat Marudi, Sarawak | 76 |
| | 22/5/2013 | Dewan KK Longer anak Mised, Sarawak | 44 |
| | 4/6/2013 | Dewan Serbaguna Kahang, Johor | 34 |
| | 9/6/2013 | Balai Raya Bukit Batu, Sedenak, Johor | 42 |
| | 13/6/2013 | Bilik Seminar PPK Semporrna, Sabah | 31 |
| | 18/6/2013 | Dewan Balai Raya Kg Temenin Baru, Johor | 74 |
| | 22/6/2013 | Lot 2419, Jalan Masjid, Kg Tok Muda, Kapar, Klang, Selangor | 71 |
| | 9/7/2013 | Dewan Serbaguna Bingkor, Keningau, Sabah | 18 |
| | 8/7/2013 | Najihin Enterprise, Parit Putri Menangis Pontian, Johor | 87 |
| | 23/7/2013 | Rumah Kediaman En Piau Inggot, Sarawak | |
